

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Keldai akaun didenda RM500  
Date : 11 February 2023  
Section : e Tempatan  
Page : 7



## Keldai akaun didenda RM500

**MIRI:** Seorang keldai akaun didenda RM500 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam setelah mengaku bersalah atas tuduhan memiliki sejumlah wang secara tidak sah.

Mohd Fadzlee Sanai, 33, dari Jalan Awang Dulla, Bintulu membuat pengakuan bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak) di hadapan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi.

Kesalahan itu memperun-

tukkan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500, jika sabit kesalahan.

Terdahulu menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki wang RM500 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3.10 petang, 15 Januari 2021 di Lorong 2D Desa Murni, Bandar Baru Pemyjaya di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.